

PROSEDUR PEMERIKSAAN KEAKURAN (COMPLIANCE AUDIT)

- Ketua Seksyen Pemeriksaan dan Pensijilan / Ketua Unit Pensijilan Dalam Negara melantik dua (2) orang Auditor Veterinar Dilantik (AVD) bagi menjalankan pemeriksaan keakuran.
- Surat makluman mengenai tarikh dan tujuan audit dikeluarkan atas persetujuan AVD dan pemohon.
- Pemeriksaan keakuran dijalankan di premis pemohon yang merangkumi audit dokumen, QAP, GAHP dan audit lapangan.
- Sekiranya terdapat ketidakakuran (NCR), tindakan pembetulan (CAR) perlu dilakukan dalam tempoh yang dipersetujui.
- Jika perlu, audit susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua tindakan pembetulan yang dilakukan oleh pemohon. Kegagalan mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh NCR akan menyebabkan permohonan dibatal.
- AVD menyediakan dan membentangkan laporan kepada Jawatankuasa Teknikal Pensijilan Veterinar untuk pertimbangan sebelum disyorkan kepada Jawatankuasa Penganugerahan Pensijilan Veterinar.
- Pemohon akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan, nombor myGAP dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi sekiranya lulus.